

Apa kata Datuk M dan Tan Sri Ghaz...

"Musa arah KPN gubal sistem disiplin yang berkenan ke atas anggota polis — TIN-DAKAN LEBIH KERAS," kata kepala besar muka hadapan di Utusan Malaysia Ogos 7, 1981. Berita berikutnya berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mahukan tindakan lebih keras diambil ke atas anggota-anggota polis yang cuai menjalankan tugas atau melanggar disiplin dalam usaha meningkatkan lagi imej pasukan itu.

Datuk Musa selaku Menteri Dalam Negeri berkata demikian semasa melawat ibu pejabat polis di Bukit Aman semalam.

Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, pula ketika berucap di upacara perbarisan perpisahan di Padang Pusat Latihan Polis di Jalan Gurney semalam, mengingatkan pegawai serta anggota polis Diraja Malaysia supaya jangan terlibat dengan rasuah.

Beliau juga berpesan agar pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis tidak zalim, cuai di samping sentiasa tani kepada perintah yang diterima. Tan Sri Ghazali menambah kata, "Berkhidmatlah dengan disiplin dan tanggungjawab sebagai pegangan berlandaskan Rukun

Negara."

(Dipetik dari Berita Harian Ogos 7, 1981 di bawah tajuk, "Anggota polis dilगत sentiasa waspada")

CATITAN KHAS:

Sebagai ganti kepada komen biasa, penulis akan cutikan beberapa ilustrasi yang menunjukkan bagaimana imej satu-satu pasukan polis boleh tercemar jika ada di antara anggota-ganggotanya yang tidak memahami makna perkataan "disiplin".

Hideo Higashi, seorang penolong inspektor polis berumur 25 tahun dari Balai Polis Takatsuki di Daerah Yamato, dikenali "off-duty" menghiburkan dirinya di sebuah teater tarian bogel.

Suasana di teater tersebut menyebabkan penolong inspektor itu berasa begitu seronok dan bila ia hanya dipelawa oleh salah seorang penari wanita bogel itu, dia tanpa berfikir dua kali telah menanggalkan seluarinya dan melompat ke atas pentas untuk mengambil bahagian sebagai penari bogel sukarela.

Malangnya, dua orang pegawai polis tanpa uniform berada di teater yang sama untuk menyalah tuduhan bahawa teater itu adalah mementaskan tarian bogel yang dianggap lucah. Dan dari kecamatan dua

orang pegawai polis berkenaan, tarian bogel yang dilakukan oleh penari-penari bogel, termasuk penolong inspektor tadi, adalah termasuk dalam kategori "obscene act", yakni lakonan lucah.

Akibatnya, penolong inspektor Higashi dan tiga orang penari telah ditangkap. Higashi dikenakan serta-merta denda kerja dan ada kemungkinan bahawa ia akan dikenakan hukuman denda.

(New Straits Times Ogos 5, 1981 di bawah tajuk, "Flash! And a cop loses his job")

Berita dari Bangkok pula, melaikan, berikutnya beberapa serbuan mengejut yang dilakukan oleh polis di kawasan Klington Phra dan Khanong Road, satu geng yang menganungi 8 ahli yang disyaki sebagai pemecah rumah telah dibekas.

Boonchal Vejevroj, 30 tahun, yang disyaki sebagai ketua geng tersebut adalah dipercayai terlibat dalam lebih dari 100 kes pecah rumah. Bila Boonchal disoal mengenai apa yang terjadi kepada barang-barang yang dicuri oleh gengnya Boonchal memberitahu polis bahawa pelanggan biasa mereka adalah mata-mata yang bertugas di Balai Klington, sementara

pelanggan utama ialah sarjan Manas Suebakraew. Apabila sepasukan polis Phra Khanong pergi memeriksa rumah Sjn. Manas, yang terletak di belakang sebuah "market", mereka menjumpai di dalam rumah itu beberapa set T.V. warna, peti-peti radio barang-barang kemasyarakatan yang berharga, tangkai-tangkai berbentuk patung Buddha dan dua buah teak Dalhatsu berharga lebih dari 100,000 baht.

Bila disoal Sjn. Manas dilaporkan sebagai berkata, dia telah membeli barang-barang curi itu dengan harga yang murah dan selepas itu menjualnya dengan mendapat sedikit keuntungan untuk menanggung keluarannya.

Ahli-ahli geng pecah rumah tersebut akan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan mencuri, sementara Sarjan Manas ditahan atas kesalahan membeli barang-barang curi.

(Dipetik dari Bangkok Post Ogos 1, 1981 di bawah tajuk, "Police sergeant held with stolen goods")

Sebilangan anggota polis sesak ("hard-up") di Grand Prairie, Texas, Amerika Syarikat baru-baru ini telah mencipta satu skim untuk mendapatkan wang bagi "Tanggung Keabajikan" mereka —

dengan mengenakan bayaran ke atas orang-orang yang mereka tangkap. Seseorang yang ditangkap akan dikenakan bayaran ("fee") sebanyak US\$25 "to cover the cost" mengambil cap jari dan gambar mereka. Dan mereka itu jika didapati tidak beralah nanti adalah berhak menerima balik sebahagian dari "fee" berkenaan.

(Bangkok Post Julai 31, 1981 di bawah tajuk, "Fine idea").

Nota:

Tidak lama dahulu halaman ini telah mengumumkan seorang anggota polis di luar negeri menjalankan kerja "part-time" selaku seorang "undertaker" dan dengan itu apabila sahaja seseorang pengkhajit jalannya mati akibat kemalangan jalannya, mata-mata berkenaan menghantar si mati itu ke rumah mayat kepunyaannya sendiri — di mana mayat dimasukkan ke dalam keranda yang disediakan, sebelum dikejar ke hospital. Ini telah menimbulkan kemarahan dipihak "undertaker-undertaker" sepenuh masa, yang kehilangan "business"...

Ekor Ruangan: Karn Kaewsuphan, seorang penyanyi wanita di sebuah Bar di Wilayah Rio-et, dihujung setiap lagu yang dinyanyikannya membuat "ucapan" ringkas dengan merayu kepada para pelanggan di Bar berkenaan supaya mengundi Jeneral Kriangsak Chomanan dalam pilihanraya kecil yang akan diadakan pada Ogos 9, 1981 nanti.

Malangnya, bukan semua pelanggan berada di Bar itu terdiri dari mereka yang menyokong Jeneral Kriangsak belaka. Oleh itu, "ucapan" yang diluahkan dan ditulangi oleh penyanyi itu telah membosankan pelanggan-pelanggan yang bukan penyokong dan peminat Jeneral Kriangsak. Dan cara mereka menunjukkan kebosanan mereka ialah dengan melepaskan gelas dan botol ke atas pentas. Perbuatan ini telah mencetuskan konfrontasi di antara para penyokong orang-orang yang membaling gelas dan botol itu dengan pelanggan-pelanggan yang menyokong Jeneral Kriangsak. (Dipetik dari Bangkok Post Ogos 2, 1981 di bawah tajuk, "Bastichuffs end song plug for Kriangsak").

☆☆☆

☆☆☆